

SULIT

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
NEGERI PERLIS**

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
PENDIDIKAN ISLAM
(Kertas 1)**

1223/1 (PP)

**Peraturan Pemarkahan
September**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

SKEMA JAWAPAN

SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	Maksud <i>sunatullah</i>: Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m)/ dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan berikut (1m).	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Dua kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu ➤ Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu. ➤ Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu. ➤ Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh pada akidah yang benar. ➤ Dapat menjadikan seseorang itu berakhlak mulia. Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x1m =2 markah
		(iii)	Dua kesan memahami Sunatullah.(TERANGKAN) ➤ Menyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT yang Maha Bijaksana (1m) agar jiwa menjadi tenang. (1m) ➤ Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan (1m) untuk mencapai kejayaan. (1m) ➤ Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif (1m) dalam setiap keadaan. (1m) ➤ Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan (1m) demi kemajuan umat Islam. (1m) ➤ Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi (1m) dalam berhadapan dengan cabaran kehidupan. (1m) Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m =4m I- 1m H- 1m

SULIT

	(b)	(i)	Maksud pemuda yang hidupnya sentiasa taat beribadat ialah: Pemuda yang memenuhi masa dengan melakukan ibadat kepada Allah SWT (1m)/ sama ada ibadat wajib atau sunat. (1m)	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Dua pengajaran daripada hadis. (TERANGKAN) ➤ Sebagai umat Islam kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (1m) kerana sikap tersebut merupakan suruhan Nya. (1m) ➤ Sebagai umat Islam kita hendaklah memanfaatkan usia muda dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT(1m) agar mendapat Rahmat Allah SWT. (1m) ➤ Sebagai umat Islam kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid (1m) agar syiar Islam dapat ditegakkan. (1m) ➤ Kita hendaklah saling mengasihi (1m) supaya masyarakat hidup aman damai. (1m) ➤ Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat (1m) agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT (1m). ➤ Kita hendaklah berusaha memperbanyak sedekah (1m) kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa (1m). ➤ Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah (1m) agar jiwa kita tenang (1m).	2 isi x 2m =4m I- 1m H- 1m

SULIT

		(iii) Solat merupakan kunci kejayaan dalam kehidupan seseorang. Kemukakan hujah anda. <table><tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table> Cadangan isi: ➤ Berdisiplin dengan masa ➤ Menjaga masa dan dapat mengurus dengan baik. ➤ Menjaga kebersihan diri dan kawasan persekitaran sebagai seorang muslim. ➤ Mengajar kita untuk fokus di dalam suatu pekerjaan yang kita lakukan. ➤ Menjadi orang yang jujur dan amanah serta berintegriti adalah bermula daripada sifat ihsan. Contoh Jawapan: Menunaikan solat pada waktunya mengajar kita untuk menjaga masa dan menguruskannya dengan baik dan tepat (I). Kesannya kita dapat berdisiplin terhadap urusan harian yang dilakukan (H). Contohnya mengisi masa dengan mengulangkaji pelajaran untuk berjaya di dalam peperiksaan (HL). Kesimpulannya kita hendaklah menyakini bahawa solat dapat menjadikan kita sebagai hamba Allah yang berjaya dunia dan akhirat (K).	RUBRIK PENSKORAN	MARKAH	Menyatakan isi sahaja	1 markah	Menyatakan isi dan huraian	2 markah	Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah	Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah	4m I-1m H-1m HL-1m K-1m
RUBRIK PENSKORAN	MARKAH												
Menyatakan isi sahaja	1 markah												
Menyatakan isi dan huraian	2 markah												
Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah												
Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah												
	(c)	Dua jenis mad lazim kalimi ➤ Mad lazim kalimi mukhaffaf ➤ Mad lazim kalimi muthaqqal	2 isi x 1m =2 markah										

SULIT

2	(a)	(i)	Maksud al-Muntaqim: Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m)/ dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. (1m)	1 isi x 2m =2 markah										
		(ii)	Dua kefahaman mengenai nama Allah al-Muntaqim: ➤ Allah memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran. ➤ Allah menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan, / iaitu kaum musyrikin ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka / kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW. ➤ Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul / dan diberikan keterangan yang jelas.	2 isi x 2m =4 markah										
		(iii)	Kaitkan pemahaman ayat di atas dengan keimanan kepada nama Allah SWT al-Muntaqim. Kemukakan pendapat anda. <table><tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table> Cadangan isi: ➤ Menjauhi larangan Allah SWT. ➤ Takut melakukan dosa / maksiat. ➤ Melaksanakan perintah Allah. ➤ Berwaspada dalam setiap tindakan.	RUBRIK PENSKORAN	MARKAH	Menyatakan isi sahaja	1 markah	Menyatakan isi dan huraian	2 markah	Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah	Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah	4m I-1m H-1m HL-1m K-1m
RUBRIK PENSKORAN	MARKAH													
Menyatakan isi sahaja	1 markah													
Menyatakan isi dan huraian	2 markah													
Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah													
Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah													

SULIT

			Contoh jawapan: Kita hendaklah menjauhkan diri daripada perbuatan dosa dan maksiat (I) kerana Allah akan memberi balasan azab di akhirat kelak (H). Kesannya, seseorang itu akan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menjadi hamba yang benar-benar memahami sifat Allah SWT al-Muntaqim agar selamat di dunia dan di akhirat (K).					
	(b)	(i)	Maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah: Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah (1m)/ menerusi para sahabat dan tabiin serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak. (1m)	1 isi x 2m =2 markah				
		(ii)	Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij mengenai isu pelaku dosa besar. <table border="1"> <tr> <td>Ahli Sunnah Wal Jamaah</td> <td>Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.</td> </tr> <tr> <td>Khawarij</td> <td>Pelaku dosa besar dianggap kafir.</td> </tr> </table>	Ahli Sunnah Wal Jamaah	Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.	Khawarij	Pelaku dosa besar dianggap kafir.	2 isi x 2m =4 markah
Ahli Sunnah Wal Jamaah	Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.							
Khawarij	Pelaku dosa besar dianggap kafir.							
		(iii)	Dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah: (TERANGKAN) ➤ Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan (1m) kerana berpegang dengan akidah yang benar. (1m) ➤ Memelihara kesucian agama Islam (1m) daripada unsur-unsur yang boleh memesongkan akidah. (1m) ➤ Menjamin keamanan negara (1m) kerana terselamat daripada ancaman pengaruh ajaran luar. (1m) ➤ Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau (1m) agar akidah terjaga. (1m)	2 isi x 2m =4m I- 1m H- 1m				

SULIT

			➤ Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan (1m) agar selamat di dunia dan di akhirat. (1m) ➤ Mendapat keredaan Allah SWT (1m) kerana berada pada jalan yang benar. (1m)	
3	(a)	(i)	Maksud solat sunat duha ialah: Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Kaifiat menunaikan solat sunat duha: ➤ Niat: Sahaja aku solat sunat duha dua rakaat kerana Allah Taala. ➤ Bilangan rakaat: 2, 4, 6 atau 8 rakaat. ➤ Cara pelaksanaan: Digalakkan secara bersendirian ➤ Bacaan dalam Solat: Rakaat pertama surah al-Fatihah, surah al-Syams atau surah lain. Rakaat kedua surah al-Fatihah, surah al-Duha atau surah lain. ➤ Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam.	2 isi x 2m =4 markah
		(iii)	Dua hikmah solat sunat duha: (TERANGKAN) ➤ Mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m) bagi meraih kasih sayang daripada Allah SWT. (1m) ➤ Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT (1m) pada setiap masa. (1m) ➤ Mendapat rahmat daripada Allah / keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana melazimi amalan sunat. (1m) ➤ Dimurahkan rezeki oleh Allah SWT (1m) kerana mentaati perintah-Nya. (1m) Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m =4m I- 1m H- 1m

SULIT

	(b)	(i)	Pembahagian harta pusaka mengikut kategori berikut: (1) Suami sekiranya tiada anak: 1/2 (2) Isteri sekiranya mempunyai anak: 1/8	2 isi x 1m =2 markah										
		(ii)	Dua hikmah pensyariatkan faraid: (TERANGKAN) ➤ Mengelakkan berlaku pertelingkahan dalam pembahagian harta (1m) yang menjejaskan kebahagiaan dalam keluarga. (1m) ➤ Menjamin kelangsungan hidup warisnya (1m) selepas kematian orang yang mewarisi harta. (1m) ➤ Menegakkan keadilan bagi pihak waris (1m) supaya tidak ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. (1m) ➤ Mengekalkan kasih sayang (1m) dalam kalangan anggota keluarga. (1m) Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m =4m I- 1m H- 1m										
		(iii)	Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah perkara tersebut boleh berlaku? Kemukakan hujah anda. <table border="1"><thead><tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr></thead><tbody><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></tbody></table> Cadangan isi: ➤ Kurang pengetahuan tentang pengurusan harta pusaka dalam kalangan waris. ➤ Sikap sambil lewa dalam pengurusan harta pusaka milik mereka.	RUBRIK PENSKORAN	MARKAH	Menyatakan isi sahaja	1 markah	Menyatakan isi dan huraian	2 markah	Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah	Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah	4m I-1m H-1m HL-1m K-1m
RUBRIK PENSKORAN	MARKAH													
Menyatakan isi sahaja	1 markah													
Menyatakan isi dan huraian	2 markah													
Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah													
Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah													

SULIT

			Contoh Jawapan: Kurang pengetahuan tentang pengurusan harta pusaka dalam kalangan waris (I). Hal ini menyebabkan berlaku pergaduhan melibatkan waris-warisi mati (H). Kesannya waris yang ditinggalkan tidak dapat menggunakan harta pusaka yang ditinggalkan (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah memahami ilmu faraid dengan baik agar tidak berlaku pertelingkahan dalam pembahagian harta pusaka (K).																	
4	(a)	(i)	Sejarah kerajaan Umayyah <table><tr><td>Asal kerajaan</td><td>Bersempena nama Umayyah bin Abd al-Syam bin Abd al-Manaf iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy.</td></tr><tr><td>Pengasas / Khalifah pertama</td><td>Muawiyah bin Abi Sufian</td></tr><tr><td>Tempoh memerintah</td><td>Tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah</td></tr><tr><td>Keluasan kerajaan</td><td>Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.</td></tr><tr><td>Bilangan khalifah</td><td>14 orang khalifah</td></tr><tr><td>Khalifah yang terkenal</td><td>1. Muawiyah bin Abi Sufian 2. Abdul Malik bin Marwan 3. Al-Walid bin Abdul Malik 4. Umar bin Abdul Aziz</td></tr><tr><td>Khalifah terakhir</td><td>Marwan bin Muhammad</td></tr><tr><td>Pusat pemerintahan</td><td>Damsyik, Syria.</td></tr></table>	Asal kerajaan	Bersempena nama Umayyah bin Abd al-Syam bin Abd al-Manaf iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy.	Pengasas / Khalifah pertama	Muawiyah bin Abi Sufian	Tempoh memerintah	Tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah	Keluasan kerajaan	Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.	Bilangan khalifah	14 orang khalifah	Khalifah yang terkenal	1. Muawiyah bin Abi Sufian 2. Abdul Malik bin Marwan 3. Al-Walid bin Abdul Malik 4. Umar bin Abdul Aziz	Khalifah terakhir	Marwan bin Muhammad	Pusat pemerintahan	Damsyik, Syria.	2 isi x 1m =2 markah
Asal kerajaan	Bersempena nama Umayyah bin Abd al-Syam bin Abd al-Manaf iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy.																			
Pengasas / Khalifah pertama	Muawiyah bin Abi Sufian																			
Tempoh memerintah	Tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah																			
Keluasan kerajaan	Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.																			
Bilangan khalifah	14 orang khalifah																			
Khalifah yang terkenal	1. Muawiyah bin Abi Sufian 2. Abdul Malik bin Marwan 3. Al-Walid bin Abdul Malik 4. Umar bin Abdul Aziz																			
Khalifah terakhir	Marwan bin Muhammad																			
Pusat pemerintahan	Damsyik, Syria.																			

SULIT

		(ii) Dua faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah: Politik ➤ Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga. ➤ Pemberontakan oleh puak Syiah dan Khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umaiyah. Sosial ➤ Sikap taksub antara kabilah Arab Utara dan Selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit untuk menumbangkan kerajaan. ➤ Sikap diskriminasi sebahagian khalifah terhadap golongan Mawali seperti bangsa Parsi dan Barbar dalam pemilihan jawatan gabenor. Akhlak ➤ Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat. ➤ Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman.	2 isi x 2m =4 markah
		(iii) Dua iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah: (TERANGKAN) ➤ Sebagai umat Islam, kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dalam urusan kepimpinan (1m) agar syariat Islam dapat ditegakkan. (1m) ➤ Sebagai umat Islam, kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia yang ada pada khalifah Islam (1m) seperti zuhud, tegas, berilmu dan bijaksana. (1m) ➤ Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat (1m) agar hidup harmoni. (1m) ➤ Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan (1m) agar mengeratkan kasih sayang. (1m)	2 isi x 2m =4m I- 1m H- 1m

SULIT

		➤ Sebagai umat Islam, kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi (1m) dalam mempertahankan kedaulatan negara. (1m) ➤ Sebagai umat Islam, kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam. (1m) Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.													
	(b)	(i) Riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi. <table border="1"> <tr> <td>Nama penuh</td> <td>Yusuf bin Ayub bin Syazi</td> </tr> <tr> <td>Tarikh lahir</td> <td>532 Hijrah</td> </tr> <tr> <td>Tarikh meninggal dunia</td> <td>589 Hijrah</td> </tr> <tr> <td>Jawatan</td> <td>Pemerintah bagi kerajaan al-Ayubiyyah</td> </tr> <tr> <td>Ketinggian akhlak</td> <td> - Menghormati para ulama - Berani mempertahankan agama - Prihatin terhadap kebajikan rakyat. </td> </tr> <tr> <td>Guru yang tersohor</td> <td>Ali bin al-Hassan bin Hibbatullah bin Asakir al-Damsyiqi</td> </tr> </table>	Nama penuh	Yusuf bin Ayub bin Syazi	Tarikh lahir	532 Hijrah	Tarikh meninggal dunia	589 Hijrah	Jawatan	Pemerintah bagi kerajaan al-Ayubiyyah	Ketinggian akhlak	- Menghormati para ulama - Berani mempertahankan agama - Prihatin terhadap kebajikan rakyat.	Guru yang tersohor	Ali bin al-Hassan bin Hibbatullah bin Asakir al-Damsyiqi	2 isi x 1m =2 markah
Nama penuh	Yusuf bin Ayub bin Syazi														
Tarikh lahir	532 Hijrah														
Tarikh meninggal dunia	589 Hijrah														
Jawatan	Pemerintah bagi kerajaan al-Ayubiyyah														
Ketinggian akhlak	- Menghormati para ulama - Berani mempertahankan agama - Prihatin terhadap kebajikan rakyat.														
Guru yang tersohor	Ali bin al-Hassan bin Hibbatullah bin Asakir al-Damsyiqi														
		(ii) Dua sumbangan Salahuddin al-Ayyubi: Ketenteraan ➤ Membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera Salib. Keilmuan ➤ Mengembalikan semula pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam sistem pendidikan. Pentadbiran ➤ Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikan sebuah hospital yang dinamakan al-Bimaristan al-Atiq	2 isi x 2m =4 markah												

SULIT

			➤ Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit.											
		(iii)	Ramalkan situasi yang akan berlaku sekiranya perkara di atas diabaikan. <table><tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table> Cadangan isi: ➤ Tunjuk perasaan akan berlaku dalam kalangan rakyat. ➤ Kehidupan masyarakat tidak harmoni. ➤ Negara tidak aman. ➤ Politik tidak stabil. ➤ Ekonomi mundur. Contoh jawapan: Situasi yang akan berlaku sekiranya perkara di atas diabaikan ialah tunjuk perasaan akan berlaku dalam kalangan rakyat (I) kerana tidak berpuas hati dengan pihak kerajaan yang tidak menyediakan kebajikan untuk kesejahteraan mereka (H). Kesannya, akan wujud suasana yang tidak aman dalam negara (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah mencontohi kepimpinan tokoh-tokoh Islam supaya keharmonian negara terjamin (K).	RUBRIK PENSKORAN	MARKAH	Menyatakan isi sahaja	1 markah	Menyatakan isi dan huraian	2 markah	Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah	Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah	4m I-1m H-1m HL-1m K-1m
RUBRIK PENSKORAN	MARKAH													
Menyatakan isi sahaja	1 markah													
Menyatakan isi dan huraian	2 markah													
Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah													
Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah													
5	(a)	(i)	Maksud alam sekitar: Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling kita.	1 isi x 2m =2 markah										

SULIT

		(ii) Dua adab menjaga alam sekitar: ➤ Sentiasa memelihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan. ➤ Sentiasa memulihara alam sekitar seperti penanaman semula pokok. ➤ Sentiasa menjaga kelestarian alam seperti menjaga kebersihan air sungai dan air terjun. ➤ Mengamalkan cara hidup mesra alam seperti amalan kitar semula dan penanaman pokok. ➤ Berusaha mengekalkan keceriaan / kebersihan alam sekitar seperti bergotong-royong membersihkan kawasan perumahan. ➤ Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna agar tidak pupus. Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m =4 markah										
		(iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. <table border="1"> <thead> <tr> <th>RUBRIK PENSKORAN</th> <th>MARKAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan isi sahaja</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan isi dan huraian</td> <td>2 markah</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td> <td>3 markah</td> </tr> <tr> <td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td> <td>4 markah</td> </tr> </tbody> </table> Cadangan isi: ➤ Keindahan persekitaran melambangkan akhlak dan kreativiti. ➤ Melapangkan pemikiran dan menenangkan jiwa. ➤ Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit. ➤ Melahirkan murid yang bertanggungjawab dan amanah kerana menjaga dan mencintai alam sekitar.	RUBRIK PENSKORAN	MARKAH	Menyatakan isi sahaja	1 markah	Menyatakan isi dan huraian	2 markah	Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah	Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah	4m I-1m H-1m HL-1m K-1m
RUBRIK PENSKORAN	MARKAH												
Menyatakan isi sahaja	1 markah												
Menyatakan isi dan huraian	2 markah												
Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh	3 markah												
Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4 markah												

SULIT

			Contoh jawapan: Keindahan persekitaran melambangkan akhlak dan kreativiti warga sekolah (I) kerana dapat memberi keselesaan ketika menimba ilmu (H). Kesannya, dapat mewujudkan kawasan sekolah yang ceria dan cantik (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga alam sekitar kerana ia mampu mempengaruhi ketenangan yang boleh meningkatkan kecemerlangan sekolah (K).	
	(b)	(i)	Maksud wasatiah: Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Prinsip wasatiah dari aspek keseimbangan: (1) Rohani ➤ Melaksanakan ibadat fardu dan sunat secara konsisten dan istiqamah. ➤ Membaca al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh serta menghayatinya dengan sebaik mungkin. ➤ Melaksanakan ibadat dengan penuh ikhlas. (2) Jasmani ➤ Mengambil makanan yang baik dan seimbang bagi memelihara kesihatan. ➤ Memperuntukkan masa untuk berehat setelah penat bekerja bagi merehatkan minda dan mengembalikan kecergasan. ➤ Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia.	2 isi x 2m =4 markah

SULIT

		(iii) Dua hikmah wasatiah: (TERANGKAN) ➤ Syiar Islam dapat ditegakkan (1m) dengan menyempurnakan akhlak dan nilai murni. (1m) ➤ Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat dilaksanakan (1m) kerana wujudnya kestabilan politik. (1m) ➤ Masyarakat yang aman dan bersatu dapat dibangunkan (1m) dengan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan dalam masyarakat dan negara. (1m) ➤ Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan (1m) mengikut keperluan negara. (1m) Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m =4m I- 1m H- 1m
--	--	--	--

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT